



PEMIKIRAN POLITIK,
KOLONIALISME & NASIONALISME

DI MALAYSIA

ESEI-ESEI PENGHARGAAN KEPADA ABDUL RAHMAN HAJI ISMAIL

EDITOR
AZMI ARIFIN



PEMIKIRAN POLITIK, KOLONIALISME DAN NASIONALISME DI MALAYSIA

**Esei-Esei Penghargaan kepada
Abdul Rahman Haji Ismail**

Editor

Azmi Arifin

PUSTAKA PERDANA



1013932

PENERBIT
USM

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG



Beli di www.emdash.my

- 🌐 www.penerbit.usm.my
- ✉ penerbit@usm.my
- f PenerbitUSM
- ✕ PenerbitUSM
- @ penerbit_usm

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2025
Cetakan kedua, 2025



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-461-987-9
JQ1062.A91

Muka taip teks: Source Serif Pro

Editor Naskhah: Siti Nurazilah Zainol Abidin
Pereka Bentuk Kulit Buku: Harifahmi Abdul Halim
Pembaca Pruf: Wan Mahanum Abdullah
Pengatur Huruf: Salsabila Syahmi

Diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Dicetak oleh Sinaran Bros. Sdn. Bhd., 5-3-18 The Promenade, Persiaran Mahsuri,
11950 Bayan Baru, Pulau Pinang, Malaysia.

320.9625
D+AA

Kandungan

Prakata	vii
Penghargaan	xiii
1 Pertembungan antara Ekonomi, Kesihatan Awam dan Nasionalisme Cina: Gerakan Anticandu Zaman Penjajahan British di Tanah Melayu, 1890-an hingga 1941	1
<i>Ooi Keat Gin</i>	
2 Gerakan Politik Melayu-Islam dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu, 1900–1948	27
<i>Azmi Arifin & Ahmad Fauzi Abdul Hamid</i>	
3 Pendidikan Bahasa, Buku Teks dan Nyanyian: Propaganda Jepun dan Penduduk Tempatan	60
<i>Abu Talib Ahmad</i>	
4 Konflik British-Indonesia dan Kesannya kepada Pemikiran British Terhadap Pengaruh ‘Indonesia’ di Tanah Melayu, 1945–1948	84
<i>Nur Azim Roslan & Azmi Arifin</i>	
5 Kegiatan Persuratkhabaran dan Permajalahan dalam Memperjuangkan Kedaulatan Johor	107
<i>Muhammad Izuan Abdul Rahman</i>	
6 Nasionalisme dan Politik Kerakyatan Semasa Darurat 1948	133
<i>Low Choo Chin</i>	



7	Wanita dalam Sejarah Politik Kebangsaan Hingga Tahun 1957	151
	<i>Mahani Musa</i>	
8	Tsunami Politik Malaysia, 2008–2013	177
	<i>Badriyah Haji Salleh</i>	
9	Wanita Melayu dan Kempen Pilihan Raya di Malaysia, 1999–2008	217
	<i>Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis</i>	
10	Perbandingan Prestasi Calon Wanita UMNO dan DAP di Johor, 2013–2018	245
	<i>Muhammad Naim Fakhirin & Zulkanain Abdul Rahman</i>	
	Lampiran: Biodata Abdul Rahman Haji Ismail	279
	Penyumbang	287
	Indeks	289

Prakata

Buku ini dapat dijayakan penerbitannya melalui galakan yang diberikan oleh kepimpinan Universiti Sains Malaysia (USM), khususnya mantan Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan yang telah menyediakan satu geran khas bagi mencepatkan lagi penerbitan sejarah dalam tafsiran baharu dan kukuh. Selain penerbitan beberapa buah buku dan artikel, peruntukan geran di bawah tema "History@usm – Revival and Re-narratives" ini telah dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan menterjemahkan beberapa sumber sejarah penting dalam bahasa asing serta mengukuhkan lagi kemampuan Unit Sejarah Lisan dan Bilik Dokumentasi dan Arkib Sejarah, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), USM. Dengan memanfaatkan jumlah geran yang kecil tetapi atas kesungguhan para pentadbir utama USM untuk melihat Bahagian Sejarah, PPIK memperkukuhkan lagi aspek dan prasarana pengkajiannya, maka sumbangan itu tetap memberi makna yang besar khususnya dalam konteks pengukuhan penyelidikan dan aktiviti Bahagian Sejarah secara jangka panjang.

Salah satu hasil terjemahan daripada peruntukan yang diberikan adalah penghasilan buku sejarah politik yang penting ini. Buku ini menampilkan perbincangan mengenai tema sejarah dan pemikiran politik, kolonialisme, dan nasionalisme di Malaysia, dalam konteks sejarah dan persejaraan yang luas cakupannya. Antara aspek yang disentuh adalah mengenai nasionalisme orang Cina di Tanah Melayu, peranan ulama dan gerakan Islam dalam perjuangan kemerdekaan, pengalaman masyarakat peribumi zaman pendudukan Jepun, konflik dan diplomasi zaman kolonial, kegiatan persuratkhabaran dalam menjujukkan pemikiran politik, isu nasionalisme kerakyatan, peranan wanita dalam perjuangan dan politik, dan perkembangan politik pilihan

raya yang berlaku di Malaysia dalam bentuk asakan dan perubahan yang signifikan. Sesungguhnya tema politik, kolonialisme, dan nasionalisme merupakan antara tema utama yang sering menjadi perhatian, bahkan sering mencetus isu dan perdebatan dalam kalangan ahli sejarah serta masyarakat umum. Walaupun tema ini sentiasa menjadi perhatian ahli sejarah, namun boleh dikatakan dalam konteks persejarahan Malaysia, masih banyak ruang yang perlu dipenuhi disebabkan kajian sedia ada masih belum mencukupi, dilihat dalam konteks memenuhi tafsiran sejarah yang terkeluar daripada tradisi zaman kolonial dan pengaruh acuan persejarahan kolonial British. Tiga tema tersebut merupakan antara tema yang sering mencetuskan kontroversi dan menjadi perhatian serta kepakaran utama bagi tokoh dan sarjana yang didedikasikan khas penulisan ini buatnya, iaitu Abdul Rahman Haji Ismail.

Tema pertama meliputi tajuk-tajuk yang berkaitan dengan nasionalisme, iaitu satu konsep sejarah yang masih belum dikaji serta diterokai secara meluas dalam konteks persejarahan Malaysia. Dalam konteks nasionalisme, ia merupakan satu bentuk kesedaran yang telah wujud sejak awal di rantau ini, kesan daripada proses kemaraan imperialisme Barat dan keinginan penduduk peribumi mempertahankan hak dan kedaulatan mereka. Pandangan ini menolak kecenderungan umum yang cuba memperlihatkan nasionalisme dalam takrif Eropah semata-mata, iaitu satu bentuk perjuangan yang digerakkan oleh kesedaran dan prinsip kedaulatan rakyat yang modernis dan sekuralis sifatnya. Maka, tidak pelik jika beberapa bab buku ini akan menyentuh perkaitan kesedaran nasionalisme dengan peranan yang dimainkan oleh pelbagai kelompok, antaranya kepimpinan agama yang diperlihatkan telah menjadi pengasas atau pelopor sebenar kepada kesedaran dan kebangkitan nasionalisme antikolonial di rantau ini. Seiring dengan penekanan sejarah berpusatkan Eropah yang cenderung mengaitkan nasionalisme dengan gejala-gejala Barat dan kelompok yang serasi dengan elemennya, bab-bab dalam kajian ini memperlihatkan kelompok yang terdedah dengan pemikiran dan pendidikan Barat, umumnya lebih serasi dengan kehendak dan kepentingan kolonial. Hal ini menjadi asas yang mendorong kepada keperluan satu penekanan baharu diwujudkan bagi mentafsirkan semula sejarah perjuangan nasionalisme di Malaysia dalam konteks peranan yang dimainkan oleh pelbagai kelompok, khususnya peranan kelompok agama dan kiri Melayu, yang tanpa dimasukkan peranan mereka, maka sejarah nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan di Malaysia itu tidak akan menjadi jelas dan lengkap.

Kelompok nasionalis agama dan kiri Melayu sememangnya memainkan peranan yang agak besar dalam sejarah kesedaran politik dan perjuangan kemerdekaan di Malaysia. Namun hingga ke hari ini, peranan kelompok itu tidak ditekankan dan tidak mendapat tempat yang lebih adil dalam paparan sejarah. Disebabkan kecondongan para pengkaji melihat kepada elemen-elemen berpusatkan Eropah, maka jarang tumpuan diberikan terhadap peranan yang dimainkan oleh kelompok arus bawah dan arus tengah dalam sejarah, iaitu kelompok rakyat biasa dan agama, yang menjadi tenaga utama dalam memelopori dan membelakangi perjuangan politik awal. Namun, peranan mereka dipinggirkan dalam arus paparan sejarah kerana isu-isu dan budaya politik dalam sesetengah keadaan menguasai corak tafsiran sejarah dan sifat keobjektifannya. Peranan kelompok agama misalnya, yang bermula daripada institusi pondok, madrasah, dan kebangkitan kelompok pembaharu agama seperti Kaum Muda, tidak diberikan ruang yang mencukupi dalam paparan buku-buku teks sehingga menunjukkan seolah-olah golongan agama tidak begitu minat untuk terlibat dalam sejarah perjuangan nasionalisme dan kemerdekaan tanah air. Walhal peranan golongan agama amat besar dalam perkembangan sejarah politik Malaysia. Tanpa kemunculan mereka, kesedaran politik dan nasionalisme peribumi tidak meluas dan kental bagi mencabar kolonialisme asing.

Ketika mulanya pergerakan dalam menyebarkan kesedaran kepada seluruh masyarakat, wadah perjuangan pelbagai kelompok nasionalis adalah melalui aktiviti persuratkhabaran dan majalah. Sesuatu perjuangan yang bersifat antikolonial dan kemerdekaan tidak mungkin boleh bergerak melalui organisasi politik terbuka kerana sudah tentu akan segera menerima reaksi keras daripada pihak kolonial. Maka dalam sesetengah bab, telah dijelaskan bahawa sejak tahun 1900, berlaku satu perkembangan sejarah yang menarik apabila akhbar dan majalah muncul dengan begitu mendadak sebagai wadah bagi menggerakkan kesedaran nasionalisme. Kegiatan persuratkhabaran menjadi wadah dan suara utama khususnya bagi kepimpinan agama dan politik Melayu menyeru kepada perubahan diri dan sikap kritikal masyarakat terhadap isu bangsa, ancaman asing, dan penjajahan. Kepentingan peranan akhbar dan persuratkhabaran bukan sahaja ketara dalam isu kemerdekaan tetapi juga dalam isu-isu yang berkaitan, misalnya dalam soal kelangsungan politik dan pengekalan jati diri bangsa serta kedaulatan negeri yang diganggu oleh proses penjajahan. Dalam konteks ini, akhbar menjadi medan kelompok agama mahupun intelektual peribumi bagi menyeru masyarakat kepada pembaharuan dan pengukuhan diri daripada asakan

zaman kolonialisme. Peranan akhbar dan majalah dalam menyampaikan suara kesedaran mampu menyediakan masyarakat peribumi bukan sahaja kepada kekuatan dan pengukuhan jati diri, bahkan juga kepada pengukuhan kelangsungan politik yang tercabar pada zaman itu.

Aspek kedua yang ditonjolkan dalam buku ini ialah penjajahan. Penjajahan merupakan satu elemen yang banyak mencorakkan sifat-sifat sejarah Malaysia pada zaman awalan, khususnya yang berkisar tentang perkembangan selepas Perang Dunia Kedua. Penjajahan di rantau ini juga harus dilihat dan difahami dalam konteks jangka panjang yang dapat menjelaskan bagaimana kolonialisme menjadi elemen yang paling kuat membentuk sifat-sifat sejarah dan persejarahan. Mempelajari tentang proses dan sifat-sifat penjajahan membantu kita memahami turun naik dan dinamisme perjuangan politik, kesedaran nasionalisme masyarakat peribumi, serta kelompok lain yang terhasil daripada proses kolonialisme. Dalam konteks ini, kolonialisme yang paling terserlah dan meninggalkan kesan besar sama ada secara langsung ataupun tidak terhadap sejarah Malaysia ialah kolonialisme British. Kolonialisme British, yang dicirikan dengan wujudnya perjanjian-perjanjian yang menjelaskan proses campur tangan dan kemaraan British bermula secara jelas khususnya sejak tahun 1824, diikuti tahun-tahun penting yang lain, iaitu 1874, 1909, 1946, 1948, dan 1957; bahkan tahun-tahun pergolakan pascakolonial seperti 1963 dan 1969 yang masih menjelaskan kesan-kesan sebenar proses penjajahan British secara jangka panjang. Selain British, kesan pendudukan Jepun juga tidak kurang ketaranya. Kedua-dua imperialisme itu datang dengan penguasaan fizikal dan mental serta dakyah-dakyahnya, yang memberi kesan secara jangka panjang. Dalam konteks Malaysia, perkara inilah yang mencetus kewujudan elemen kecelaruan politik, perpecahan, dan perkauman pada hari ini.

Bahagian ketiga buku ini memberi tumpuan dalam perbincangan tentang aspek politik moden dan pilihan raya yang dicorakkan oleh latar belakang sejarah yang panjang tersebut, meliputi soal kedudukan orang Melayu, hak-hak politik Melayu dan perjuangan politik bukan Melayu, proses perubahan politik, isu perkauman, peranan wanita, dan turun naik perjuangan parti-parti politik lama dan baharu dalam pilihan raya di Malaysia. Sejak merdeka hingga dua dasawarsa era milenium, penguasaan politik dan kerajaan diwarisi daripada tradisi yang terbentuk sebelum merdeka, iaitu pemain dalam organisasi Perikatan-Barisan Nasional (BN) yang meliputi kelompok kepimpinan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization, UMNO), Persatuan Cina Malaysia (Malaysian Chinese Association,

MCA), dan Kongres India Malaysia (Malaysian Indian Congress, MIC), yang memegang kuasa begitu lama. Memegang kuasa pada masa yang lama tanpa cabaran yang kuat menjadikan sifat pemerintahan kerajaan di bawah UMNO dan BN itu dianggap mewarisi banyak kelemahan, perebutan, dan penyalahgunaan kuasa serta pelbagai elemen ketirisan. Sebagai sanggahan terhadap status quo itu, keadaan politik di Malaysia menyaksikan perubahan masyarakat yang ketara ketika era Mahathir Mohamed yang menyaksikan berlakunya tsunami politik sejak tahun 2008. Pada tahap ini, sejarah menjadi begitu rencam dengan pelbagai isu dan terjahan politik. Penyingkiran Anwar Ibrahim dan kebangkitan suara reformasi, diikuti kemunculan gagasan permuafakatan politik baharu seperti Gagasan Perpaduan Ummah, Pakatan Rakyat hinggalah Pakatan Harapan mewujudkan jajaran baharu dalam iklim politik yang mengubah tradisi yang telah lama diwarisi sejak era kolonialis. Impak tsunami yang sangat besar dan mengejutkan itu dibandingkan dengan fenomena politik di Malaysia pada Pilihan Raya Umum 2008, yang buat pertama kalinya dalam sejarah politik Malaysia sejak Pilihan Raya Umum 1969, gabungan parti politik utama yang memerintah, iaitu BN, telah kehilangan majoriti dua pertiga di Parlimen. Perkembangan tersebut boleh dianggap satu titik pemisah penting yang menandakan perubahan besar dalam sejarah pembinaan bangsa serta perkembangan politik dan kerajaan di Malaysia.

Tiga aspek atau tema utama itu digarap dalam pelbagai tumpuan bagi melengkapkan buku ini, menjadikannya satu paparan yang luas tetapi masih berdiri atas tema khusus yang sama, iaitu kolonialisme, nasionalisme, dan pembinaan negara bangsa yang melibatkan satu proses yang panjang dan unik. Melihat kepada cakupan bab yang dikemukakan, perspektif yang dipaparkan adalah agak menyeluruh dan lengkap dari era kolonial hingga era milenium, yang menunjukkan proses perubahan sejarah secara jangka panjang. Walaupun setiap bab dalam buku ini telah diusahakan sehabis mungkin oleh para penulis dengan menggarap dalam konteks yang paling seimbang atau objektif, iaitu sebagai terjemahan hujah-hujah dan kajian mendalam ahli sejarah, namun isi tafsirannya masih boleh menimbulkan perdebatan dan ketidaksetujuan. Sudah semestinya setiap perbincangan ahli sejarah hanyalah bermatlamat untuk mencari kebenaran yang paling kukuh dan bukannya berhasrat untuk menyelesaikan semua isu menjadi pandangan sejarah yang muktamad. Setiap tafsiran yang dikemukakan dalam buku ini masih tetap terbuka kepada sebarang tafsiran baharu dan sudut pandangan yang berbeza; sesuai dalam konteks pengkajian sejarah politik yang begitu kritikal dan kontroversi. Walaupun bab-bab dalam

buku ini tidak dapat mengelak daripada ketidaksepakatan pandangan serta memenuhi sebuah kajian yang benar-benar bersifat konkrit tanpa langsung dipersoalkan hujahannya, namun buku ini tetap mempunyai sumbangan besar dan kekukuhannya tersendiri. Akhirnya yang pasti, buku ini akan menjadi salah satu bahan bacaan dan rujukan penting dalam memahami sejarah dan senario politik Malaysia dalam konteks yang luas dan jangka panjang.

Bab-bab dalam buku ini telah disusun khas sempena persaraan Profesor Madya Abdul Rahman Haji Ismail, bekas pensyarah Bahagian Sejarah, PPIK, USM. Buku ini dilahirkan sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan beliau yang begitu besar kepada Bahagian Sejarah, PPIK, USM, bahkan kepada bangsa dan negara melalui pemikiran dan penulisannya yang amat menarik dan bermutu tinggi. Para penyumbang dalam buku ini terdiri daripada pelbagai peringkat usia dan kepakaran, dan merupakan rakan-rakan dan bekas pelajar yang pernah mengenali, bekerja atau belajar di bawahnya sepanjang perkhidmatan yang panjang beliau di USM. Sebahagiannya pula merupakan pengkaji yang banyak menggunakan penulisannya sebagai rujukan utama. Tulisan-tulisan mereka mencerminkan pandangan dan interpretasi tersendiri tentang sejarah dan pemikiran politik di Malaysia yang menjadi bidang kepakaran utama Profesor Madya Abdul Rahman. Buku ini mengulas dan menyelami isu-isu utama yang menyentuh tentang peranan dan pemikiran politik daripada pelbagai kelompok dan perspektif, yang menjadi tema utama dalam perbincangan dan perbahasan tentang sejarah Malaysia hingga dasawarsa ini.

Januari 2025

Penghargaan

Dalam usaha menyempurnakan penerbitan buku ini, ramai pihak telah turut terlibat khususnya dalam memberi bantuan, sokongan, dan kemudahan kepada editor. Jutaan terima kasih wajar diucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) dan khususnya mantan Naib Canselor USM Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan, kerana telah memberi sokongan dan bantuan kewangan melalui peruntukan Projek Inisiatif Strategik USM 2021 di bawah tema "History@usm – Revival and Re-narratives" (311.PHUMANITI.411958). Penulisan ini juga tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa dorongan dan sokongan yang diberikan tiga rakan dan guru saya, Profesor Dato' Dr. Abu Talib Ahmad, Profesor Datin Dr. Mahani Musa, dan Tuan Haji Abdul Rahman Haji Ismail sendiri, serta penulis-penulis yang menyumbang bab dan rakan-rakan di Bahagian Sejarah, PPIK, USM, yang turut menyumbang secara tidak langsung. Penghargaan juga diberikan khusus kepada Allahyarhamah Dr. Badriyah Haji Salleh, seorang lagi bekas pensyarah di Bahagian Sejarah, PPIK, USM, yang telah menyumbang bab untuk buku ini, tetapi telah pergi lebih awal meninggalkan dunia ini sebelum sempat buku diterbitkan. Kepada Allahyarhamah dan seluruh ahli keluarga beliau, dipanjatkan salam takziah dan hanya doa yang terbaik buat mereka. Setinggi penghargaan juga ingin diberikan khusus kepada pihak Penerbit USM yang telah berusaha bertungkus lumus bagi menyemak buku ini dan menerbitkannya, serta semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Semoga kajian ini dapat menyumbang sedikit sebanyak kepada kempen, memperbanyakkan lagi buku-buku sejarah yang memaparkan perkembangan sejarah dan peradaban bangsa di Malaysia, yang hingga kini boleh dikatakan masih begitu kering dalam simpanan kutubkhanah negara kita.

Jazakallahu khairan kathira.





Pertembungan antara Ekonomi, Kesihatan Awam dan Nasionalisme Cina: Gerakan Anticandu Zaman Penjajahan British di Tanah Melayu, 1890-an hingga 1941

Ooi Keat Gin

Pengenalan

Candu ialah sejenis dadah berwarna merah-kuning yang berbau wangi yang dihasilkan daripada sari pati popi candu (*Papaver somniferum*). Kandungan candu yang menenangkan dan mengkhayalkan memberi kelegaan kepada pesakit yang mengalami kesakitan berat atau kemurungan atau individu yang ingin 'bebas' daripada realiti sehari-hari sehingga menjadikan candu sebagai satu komoditi yang diniagakan. Dalam perubatan, candu digunakan sebagai pelali (*analgesia*) dan narkotik. Kesan ketagihan yang dibawa oleh candu memastikan bahawa penggunaanya bergantung kepada bekalan berterusan hingga menjadikan perdagangan candu sebagai perniagaan yang menguntungkan. Apabila British menggantikan candu dengan perak dalam perdagangannya dengan China pada kurun ke-18 dan ke-19, candu menjadi bahan penting dalam ekonomi di seluruh Asia.

Pada tahun 1840-an dan 1940-an, golongan buruh Cina yang bergiat dalam perlombongan dan pertanian komersial di Tanah Melayu merupakan satu-satunya pengguna terbesar candu, yang diimport dari British India ke Asia Tenggara. Tahun 1940-an menyaksikan kemasukan ramai buruh

Cina dari wilayah tenggara China ke kawasan perlombongan bijih timah di Perak, Selangor dan Sungei Ujong yang terletak di pantai barat Tanah Melayu. Sindiket Cina (kongsi gelap) memonopoli industri buruh dan menjalankan pengambilan tenaga buruh dari pelabuhan tenggara China ke Negeri-negeri Selat di Pulau Pinang dan Singapura dan daerah lombong bijih timah di Semenanjung. Kerja di kawasan lombong bijih timah memenatkan dari segi fizikal dengan masa yang lama dihabiskan di bawah matahari iklim tropika yang terik dan menjerihkan. Pada masa lapang, buruh-buruh kasar yang bekerja keras ini cuba mengelak kebosanan dengan menghabiskan masa di meja judi, meminum arak, menghisap candu dengan rasa bahagiannya dan melanggan penghuni rumah-rumah pelacuran. Kongsi-kongsi gelap tersebut mengawal ketat kegiatan masa lapang ini dan mengaut keuntungan besar dengan menjadi kontraktor (pemajak) monopoli candu dan arak (hasil pajakan). Pada mulanya, candu menjadi kegiatan kelaziman golongan tua dan yang tidak berupaya dari kalangan penduduk kaya, tetapi kemudian merebak dalam kalangan anak muda dari keluarga Cina Selat yang kaya. Menjelang kurun ke-19, penagihan candu meningkat menjadi penyakit sosial yang tenat dengan jumlah penagih terdiri daripada buruh kasar hingga ke tauke (pemilik perniagaan), di bandar-bandar dan daerah perlombongan bijih timah dan pertanian hingga menjadi isu kesihatan awam yang serius.

Pada suku terakhir kurun ke-19, tiga orang pengamal perubatan terkenal yang merupakan anak kelahiran Cina Selat yang mendapat pendidikan perubatan di Barat, iaitu Dr. Yin Suat Chuan (1877) dan Dr. Lim Boon Keng (1869–1957) dari Singapura serta Dr. Wu Lien-teh (1879–1960) dari Pulau Pinang telah menerajui kempen anticandu. Mereka yang menentang aktivis anticandu ini terdiri daripada individu yang berkuasa, kumpulan dan institusi yang berkepentingan, iaitu kerajaan kolonial British, pemegang monopoli candu dan sindiket Cina yang berpengaruh.

Kajian ini meninjau peranan yang dimainkan oleh tiga orang doktor aktivis ini, Yin, Lim dan Wu, khususnya motif mereka di sebalik kempen anticandu di Tanah Melayu. Mereka melihat penagihan candu bukan sahaja dari segi kesan kemudaratannya terhadap kesihatan awam tetapi juga dari sudut nasionalisme dan patriotisme Cina. Perbincangan ini akan tertumpu kepada pertembungan tiga penjurong antara gerakan anticandu, pelbagai pihak yang berkepentingan dalam industri candu (tauke pemajak candu, sindiket) dan kerajaan British di Tanah Melayu.

Perniagaan dan Pajak Hasil Candu Tanah Melayu yang Lumayan

Seperti komoditi lain, kuasa pasaran menentukan peningkatan kepentingan candu di Asia. Dari kurun ke-18, pola perdagangan berkembang seperti berikut. Kawasan utama pengeluaran adalah di India: Bihar (berpusat di Patna) dan Benares (berpusat di Ghazipur). Antara tahun 1773 hingga 1793, Syarikat Hindia Timur Inggeris (EEIC) membina sistem pengeluaran dan pengedaran candu yang berkesan di India (Singh 1980). Penanaman dan pengeluaran candu menjadi monopoli EEIC sejak tahun 1773. Pada awalnya kegiatan ini dipajakkan kepada seorang kontraktor tetapi selepas tahun 1797, ia diletakkan di bawah pengurusan langsung sebuah agensi EEIC. Sistem yang dibina sejak awal dekad kurun ke-19 ini boleh dikatakan stabil termasuk mengekalkan kuantiti dan kualiti tertentu dan dengan demikian menyebabkan harga kekal tinggi, begitu juga keuntungannya.

Sejak pertengahan kurun ke-19, permintaan utama candu India adalah dari China, dengan pasaran kedua berkembang di seluruh Asia Tenggara. Pengguna utama candu adalah bangsa Cina, sama ada di tanah besar China atau dalam diaspora termasuk di kawasan bijih timah di Semenanjung Tanah Melayu atau di bandar pelabuhan Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura). 'Perdagangan China' dan Britain telah terbina dari akhir kurun ke-18 dan sepanjang kurun ke-19 (Spence 1990, 130).

Apabila EEIC mengambil alih monopoli candu menggantikan Syarikat Hindia Timur Belanda dari tahun 1750-an, pasaran di wilayah ini berkembang terutamanya dari pertengahan kurun ke-19, dengan kebanjiran buruh Cina di kawasan bijih timah di Semenanjung Tanah Melayu. Kedua-dua kawasan penempatan British di Pulau Pinang (1786) dan Singapura (1819) merupakan 'Bandar Cina' yang didiami oleh pedagang, usahawan, tukang mahir dan buruh kasar (Purcell 1997).¹ Petani desa Cina menguasai daerah pendalaman di kedua-dua penempatan ini: penanam tebu di Seberang Perai dan pengusaha lada hitam serta gambir di Johor. Melaka, komponen ketiga daripada Negeri-negeri Selat British (1826) mempunyai komuniti pertanian yang tertumpu kepada tanaman ubi kayu. Kewujudan komuniti Cina, sama ada dalam industri perlombongan, eksport pertanian atau sektor perdagangan dan komersial di kawasan bandar, memastikan peningkatan permintaan untuk candu yang perlu dipenuhi. Pentadbiran kolonial British

membangunkan sebuah sistem penjaan hasil yang sangat berjaya serta menguntungkan. Sistem 'pajakan hasil' ini mudah dikendalikan dengan kos yang sangat sedikit kepada pentadbiran menyebabkan ia bukan saja membiayai kos perbelanjaan berulang kerajaan tetapi juga menyumbang keuntungan kepada perbendaharaan negara.

Penempatan perdagangan dan perlombongan Cina sudah wujud di negeri-negeri Tanah Melayu sebelum kehadiran British di Pulau Pinang pada tahun 1786. Sebelum tahun 1840-an, bilangan orang Cina hanya dalam jumlah puluhan dan ratusan orang sahaja. Kebanjiran bangsa Cina ke Semenanjung Tanah Melayu dalam ribuan orang berlaku pada peringkat akhir kurun tersebut dan berterusan hingga ke kurun ke-20. Pada tahun 1941, penduduk Cina mendominasi landskap demografi British Malaya dengan 43% daripada jumlah 5.5 juta penduduk ketika itu berbanding bangsa Melayu, India dan Eropah (Purcell 1967). Bersama-sama bandar pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura, daerah perlombongan Larut dan Kinta (Perak), Klang (Selangor), Sungai Ujong (Negeri Sembilan), Raub (Pahang), serta penempatan pertanian di Johor, pasaran untuk candu dalam kalangan penduduk Cina adalah besar.

Ketika menulis pada bulan Januari 1794, Francis Light yang membuka petempatan dan pusat perdagangan British di Pulau Pinang pada tahun 1786, menyuarakan pandangan beliau berkenaan orang Cina: "Mereka adalah satu-satunya orang Timur yang daripada mereka boleh dijana hasil tanpa perbelanjaan dan usaha yang banyak daripada kerajaan" (Braddell 1856, 9). Tiada cara yang lebih mudah untuk mendapatkan cukai daripada mereka melainkan melalui aktiviti-aktiviti masa lapang atau lebih tepat pelbagai tabiat buruk mereka, iaitu menghisap candu, meminum arak, dan berjudi. Sistem pajakan hasil kemudian diwujudkan ke atas arak (1789), candu (1791) dan perjudian (1792) (Turnbull 1972, 196). Sistem pajakan hasil ini turut dilaksanakan di Singapura dan Melaka dan mulai pertengahan 1890-an di Negeri-negeri Tanah Melayu.

Melalui acara lelongan, kerajaan kolonial memajakkan hak monopoli candu kepada kontraktor (pemajak) biasanya untuk tempoh 3 tahun (Butcher dan Dick 1993). Pemajak tersebut akan membeli candu mentah daripada kerajaan kolonial yang memonopoli bekalan yang diambil daripada India British. Penyediaan dan pengedaran candu adalah di bawah bidang kuasa pemajak yang memasarkan candu (candu terproses yang sedia untuk digunakan) kepada rangkaian kedai candu yang diberi lesen oleh kerajaan. Pemajak tersebut secara hakikatnya ialah

pemborong candu. Untuk memastikan yang hak monopoli mereka tidak dicerobohi melalui penyeludupan, pemajak tersebut mengupah pengawal keselamatan *chinteng*, yang membantu mengawal monopoli pemajak daripada candu gelap. Disebabkan keperluan kepada *chinteng* ini, tidak hairanlah dan agak lumrah berlaku penglibatan aktif sindiket Cina, yang dikenali sebagai kongsi gelap dari kaca mata pihak kerajaan kolonial yang menyediakan tenaga kerja mudah untuk mengawal selia monopoli ini.

Sistem pajakan hasil candu ini memberikan kepuasan kepada semua pihak yang terlibat. Di satu pihak, kerajaan penjajah menerima hasil tetap daripada pemajak candu.² Sumbangan ini tidaklah kecil, “antara 30% hingga 60% secara tetap daripada kutipan hasil tempatan” (Trocki 1999, 138). Pemajak candu menjalankan perniagaan yang menguntungkan dengan menyediakan dan mengedar candu. Direkodkan bahawa keuntungan kasar Cukai Candu di Pulau Pinang dari tahun 1901 hingga 1903 berjumlah \$700,000 dolar Selat (Yen 1986, 263). Oleh hal yang demikian, pemajak candu dan juga kerajaan kolonial mempunyai kepentingan kewangan untuk membiarkan pasaran candu meningkat tahun demi tahun dan seterusnya peningkatan keuntungan dan hasil kepada kedua-dua belah pihak.

Tabiat Menghisap Candu dan Penagihan – Isu Kesihatan Awam

Tabiat menghisap candu mewujudkan ketagihan yang mengancam kesihatan awam. Pada ketika yang tertentu, mereka (pasangan penghisap candu) pada awalnya adalah becok dan berbual rancak, tetapi setelah candu meninggalkan kesan, perbualan menjadi pendek; mereka kerap ketawa besar walaupun atas perkara remeh atau tanpa sebarang sebab, melainkan jika timbul pemikiran daripada imaginasi mereka yang teruja. Pada fasa kedua air muka mereka menjadi kosong, dengan muka pucat dan mengecut, seolah-olah mengalami demam. Keadaan menjadi sunyi sepi sebelum mereka tertidur yang biasanya berlanjutan dari setengah jam hingga tiga atau empat jam. Dalam keadaan ini, nadi mereka menjadi lebih perlahan, lemah dan mengecil jika dibandingkan sebelum kegiatan tidak bermoral ini dimulakan (Smith 1842, 589). Inilah kelakuan biasa penghisap candu di Pulau Pinang dalam tahun 1840-an semasa mereka melayan tabiat ini.

Apa sebenarnya yang dirasakan oleh penghisap candu? Charles Lockyer, seorang pengembara Eropah ke Asia pada bahagian awal kurun ke-18 memberikan gambaran mendalam tentang pengalaman seorang Inggeris menghisap candu: “Setelah sekali mengalami rasa harmoni yang mendalam, yang menyusuk ke seluruh tubuh...darah meruap, merasai kenikmatan dalam apa sahaja yang dilakukannya, ia mungkin boleh dikatakan sebagai nikmat yang terlalu berat untuk ditanggung oleh tubuh manusia” (Trocki 1999, 53). Walau bagaimanapun, kesan yang dikatakan ‘nikmat’ ini apabila dilihat daripada kesannya, merupakan ‘kebinasaan’ kepada si penghisap candu.

Tubuh terasa demam dan panas, dengan lidah kering tetapi tidak boleh dibasahkan, bibir merekah, tetapi tidak boleh dilembutkan, tekak kering dan terasa dahaga yang teramat sangat, tetapi tidak boleh dihilangkan, mata tertutup atau penuh tahi mata, dada terasa ketat yang mengganggu pernafasan, letih, lesu, sakit seluruh tulang, tidak bertenaga langsung, hilang selera makan dan keinginan yang teramat sangat untuk suatu bahan, yang jika tidak didapati akan terasa lebih menyakitkan daripada mati – itulah bahan racun tersebut, memberi kelegaan untuk seketika tetapi kemudian mencengkam pantas kebinasaan mangsa (Little 1848, 2).

Penghisap candu biasanya adalah lelaki Cina. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir perempuan Cina, biasanya pelacur, dan orang Melayu, yang memuaskan nafsu dengan tabiat merosakkan ini. Beberapa bidang pekerjaan, kelihatannya cenderung untuk mendorong penagih: tukang kayu, pembuat kotak, tukang besi, tukang gunting, pengecong, buruh kasar, pemandu bot, penanam gambir, dan tukang kebun (Little 1848, 20). Pengguna dadah ini merentasi pelbagai peringkat sosioekonomi. Manakala golongan kaya menikmati tabiat ini di dalam rumah mereka secara persendirian, golongan biasa dan dari kelas bawahan mengambilnya di kedai atau sarang candu (Smith 1842, 588–589). Penghisap candu juga secara umumnya berbelanja banyak sehingga satu pertiga daripada pendapatan mereka untuk memenuhi tabiat ini (Little 1848, 20; *Administration Report* 1881).³ Menghisap candu bukan sahaja membazirkan wang, tetapi dadah itu merosakkan kesihatan yang membawa kepada kematian yang lambat dan menyakitkan. Candu ialah racun dan sangat bahaya, malah boleh membawa maut. Keadaan khayal yang dibawa oleh candu yang digambarkan sebagai nikmat boleh bertukar kepada kematian yang buruk sekiranya mereka menggunakannya dengan berlebihan.

Candu ialah dadah yang sangat memberi ketagihan. Penggunaan berterusan akan membawa kepada sejenis ketahanan yang bermakna dos yang diperlukan akan sentiasa meningkat bagi mendapatkan kesan keseronokan dan kegembiraan yang setara. Hal ini mengakibatkan ia perlu diambil secara berterusan dan sentiasa meningkat. Peninggalaan dadah ini akan mengakibatkan keadaan dahsyat kepada penagih. Disebabkan candu membawa kesan melegakan yang bertindak dengan 'menumpulkan' deria, ia digunakan dalam kalangan pekerja lombong dan aktiviti pertanian yang memerlukan tenaga fizikal yang banyak. Pada penghujung hari yang panjang setelah bertungkus lumus di bawah terik cuaca tropika, menjadi kebiasaan bagi buruh kasar untuk mencari keselesaan dan ketenangan dengan menghisap sebatang paip candu. Candu sebenarnya 'mematikan' kesakitan kerja buruh dan melegakan urat-urat yang letih. Terdapat banyak pihak yang mendakwa kegunaan candu sebagai 'ubat kerja' (Trocki 1999, 144).

Orang Cina tidak menganggap candu sebagai memudaratkan, sebaliknya "menganggapnya penawar untuk pelbagai jenis penyakit dan kerap disyorkan oleh doktor Cina" (Purcell 1997, 185). Oleh itu, apabila pekerja mengalami penyakit tropika seperti demam denggi, demam malaria, dan demam kepialu, mereka mengambil candu sebagai ubat. Candu bertindak sebagai profilaktik untuk merawat cirit-birit yang lumrah terjadi dalam kalangan buruh kasar, disebabkan makanan yang tidak elok atau kurang baik dan pelbagai parasit usus yang banyak terdapat di dalam hutan tropika. Majikan yang tidak berprinsip malah menawarkan candu secara percuma, pada awalnya sebagai insentif untuk menggalakkan mereka bekerja dengan lebih keras. Selain itu, tekanan daripada rakan sejawat yang tinggal di perumahan buruh kasar yang sebahagian besarnya mengamalkan tabiat ini menyebabkan mereka yang baharu bekerja turut terjebak menjadi penghisap candu dalam waktu yang singkat. Bagi mereka yang mengalami penyakit, kesakitan teruk, dan penyakit yang tidak dapat disembuhkan, candu kelihatannya menjadi penawar sementara, yang memberikan kelegaan daripada kesakitan fizikal dan mental. Begitu juga mereka yang ditimpa masalah perdagangan atau kesusahan lain, turut mencari kelegaan di sarang-sarang candu, tempat mereka menenggelamkan dukacita "dalam rasa keseronokan yang tidak dapat digambarkan ketika khayal dalam dunia sendiri tanpa menyedari apa-apa yang berlaku di sekeliling mereka" (Smith 1842, 588).

Dalam kalangan tauke kaya di Negeri-negeri Selat, kekurangan pengisian masa lapang dan hiburan yang bermanfaat menyebabkan ramai daripada mereka beralih kepada maksiat candu dan juga aktiviti tidak sihat yang

lain seperti berjudi dan berkunjung ke rumah pelacuran. Tambahan pula menjelang kurun ke-19, tabiat menghisap candu merupakan satu kebiasaan dalam pergaulan sosial, tidak ada bezanya dengan menghidang teh kepada tetamu. Di rumah orang kaya ini, sebuah bilik tetamu yang dihias dengan cantik dan dilengkapi peralatan menghisap candu memberikan suasana dan kelengkapan yang menyenangkan bagi tuan rumah dan tetamu menikmati tabiat ini. Mungkin disebabkan rasa ingin tahu, tetapi biasanya kerana ingin menunjukkan rasa hormat, ramai tetamu yang terjebak dalam amalan penagihan ini. Walau bagaimanapun, tarikan candu yang lebih kuat adalah berkaitan seks. Seorang pemerhati amalan menghisap candu di Pulau Pinang pada tahun 1842 menyebut bahawa “terdapat satu lagi sebab yang mengakibatkan ramai pemuda mengamalkan pengambilan candu, iaitu kefahaman yang dikatakan terbukti oleh pengalaman, bahawa amalan menghisap candu meningkatkan dan memanjangkan tempoh kenikmatan hubungan kelamin” (Smith 1842, 588).

Rumah-rumah pelacuran terkenal sebagai tempat awal bagi seseorang terlibat dalam ketagihan candu; penghuni perempuan rumah-rumah ini sering kali menghidangkan pelanggan mereka dengan paip candu sebelum melakukan hubungan seks (Moore dan Moore 1969, 514–515, 520). Sumbangan bahan ini kepada kenikmatan seks sebenarnya adalah tanggapan palsu; hakikatnya candu memberikan kesan yang berlawanan, iaitu mempercepatkan mati pucuk (Moore dan Moore 1969, 514–515, 520; Smith 1842, 588). Namun, bagi seorang buruh kasar yang miskin di kawasan perlombongan atau hutan tropika, “sebatang paip candu di waktu petang memberikannya satu kepuasan, dan mungkin itulah yang paling hampir dengan keseronokan seks yang boleh dirasainya, melainkan dia mendapatkannya daripada rakan sekerja, dan sememangnya ramai yang berbuat demikian” (Trocki 1999, 144).

Salah satu bukti awal yang menunjukkan candu merupakan dadah yang meninggalkan kesan mudarat diberikan pada tahun 1809 apabila seorang saksi di Penang Grand Jury menerangkan dengan jelas kemudaratan candu (Wright 1961, 167–8).

Kesan penggunaan candu sangat teruk dan merosakkan tubuh badan manusia dan menjadikan minda orang-orang yang menggunakannya sangat lemah sehingga dia tidak bertenaga serta badannya menjadi sangat lemah hingga disahkan tidak sihat langsung dan tidak berupaya untuk melakukan atau menjalankan sebarang kerja berat

atau yang memenatkan. Akibatnya, kita bukan sahaja kehilangan perkhidmatan dan tenaga mereka, malah boleh diandaikan bahawa mereka perlu merompak, menjarah, dan merampas bagi membolehkan mereka mendapatkan dadah yang merosakkan ini.

G. H. Smith, seorang pakar bedah di Pulau Pinang yang menyumbang sebuah makalah *Opium-Smoking in Penang* kepada *Medico-Chirurgical Review* pada April 1842, turut mendedahkan kesan buruk menghisap candu (Smith 1842, 587–591). Dalam tahun 1848, Dr. Robert Little yang ketika itu bekerja sebagai pakar bedah kerajaan dan setiausaha Jawatankuasa Hospital Tan Tock Seng memulakan usaha di Singapura untuk mendedahkan kepada komuniti Eropah dan pentadbiran kolonial mengenai kesan fisiologi dan sosial penghisap candu dalam kalangan penduduk Cina di jajahan itu. Walau bagaimanapun, matlamat akhir Dr. Little adalah untuk mengawal, bukan untuk menghapuskan candu (Little 1848, 75–77; Little 1849, 454–456).

Pada awal kurun ke-19, candu diakui memberi impak sosial yang buruk. Lembaga eksekutif EEIC yang mengulas dari London dalam tahun 1805 menerima maklumat bahawa pajakan hasil candu dan perjudian “kelihatannya memberi dorongan kepada dua jenayah masyarakat yang paling bahaya” (Purcell 1967, 43). Dr. Little mendedahkan bahawa tiga perempat daripada banduan di Singapura pada penghujung 1840-an ialah penagih candu dan dengan itu menunjukkan kaitan yang jelas antara tabiat buruk ini dengan jenayah (Little 1848, 42–43). G. H. Smith mengutuk kesan daripada situasi buruk di Pulau Pinang dalam tahun 1842, apabila “cukai berlebihan bukan sahaja meningkatkan permintaan ke atas candu, tetapi yang lebih buruk, ia meningkatkan empat kali ganda jumlah pembunuhan dan jenayah-jenayah lain yang dilakukan untuk mendapatkan bekalan bagi membeli candu” (Smith 1842, 591).

Secara umumnya, keadaan penagih candu yang kronik bermula dengan kemerosotan kesihatan, di samping berlaku peningkatan keperluan wang untuk mendapatkan bekalan dadah. Tahap ketagihan candu yang sentiasa meningkat menyebabkan semakin banyak amaun candu yang diperlukan untuk mencapai rasa keseronokan. Akibatnya, masa penagih banyak dihabiskan bersama-sama paip candu untuk memenuhi ketagihan, secara langsung menyumbang kepada kemerosotan prestasi pekerjaan penagih dan seterusnya risiko dibuang kerja. Akibat kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan, penagih-penagih candu ini beralih

kepada kegiatan jenayah kecil seperti mencuri untuk menampung tabiat tersebut. Ada sesetengah penagih yang meminta sedekah namun bagi yang tidak sanggup menghadapi realiti ketidakupayaan ini dan rasa malu untuk meminta sedekah, penagih ini sanggup mengambil nyawa mereka sendiri (Little 1849, 455). Selanjutnya pula, sebagai akibat daripada penghisapan candu, para buruh kasar dan tukang, malah pedagang gagal melakukan pekerjaan mereka dengan baik. Dalam satu laporan tahun 1881, C. J. Irving, Kaunselor Residen Melaka, menganggap amalan menghisap candu sebagai penyebab pengurangan tenaga buruh kasar Cina (*Administration Report* 1881). Hampir tiga dekad kemudian, pemerhatian yang sama dicatatkan (*Opium Commission of the Straits Settlements and Federated Malay States* 1907–1908).⁴

Menjelang pertengahan kurun ke-19, penghisapan candu dan ketagihannya muncul sebagai isu kesihatan awam di Negeri-negeri Selat. Data statistik yang dilaporkan menunjukkan bahawa jumlah penghisap candu adalah besar. Pada tahun 1848, Singapura mempunyai 15,000 orang penagih candu, yang merupakan lebih 30% daripada jumlah penduduk Cina (Little 1848, 66). Begitu juga penagih candu di Melaka yang melibatkan satu pertiga daripada jumlah penduduk dewasa Cina di Melaka (*Administration Report* 1881). Dibandingkan dengan jumlah penduduk, peratusan bagi kedua-dua Melaka dan Singapura ini mengatasi nisbah penagih di negara China sendiri. Berdasarkan anggaran, nisbah penagih candu di China dibandingkan dengan jumlah besar penduduk pada pertengahan 1840-an adalah 1:133, sementara di Melaka dan Singapura nisbahnya 1:3 (Little 1848, 66). Pada tahun 1860, keadaannya ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Negeri-negeri Selat: Penagih candu dan jumlah penduduk

Tahun	Tempat	Jumlah penduduk	Penagih candu	Anggaran peratusan penduduk (%)
1860	Singapura	80,792	15,000 (pada 1857)	18.56
1860	Melaka	67,267	13,000 (pada 1857)	19.32
1860	Pulau Pinang & Province Wellesley	124,772	12,000 (pada 1857)	9.60

Sumber: Braddell (1856)

Memandangkan sebahagian besar pengguna candu terdiri daripada tenaga kerja buruh dalam sektor perlombongan dan pertanian komersial, kesan buruknya ke atas pengeluaran adalah jelas. Walau bagaimanapun, keadaan yang lebih membimbangkan dan menyebabkan kekhuatiran

besar sekiranya 1 daripada 3 orang Cina dewasa menjadi penagih candu (Jadual 1) ialah kesihatan awam akan terjejas. Semasa memberi keterangan di Suruhanjaya Candu 1907 di Singapura, Dr. H. L. E. Leuring mengulas bahawa “dalam keluarga penghisap candu, anak-anak mereka juga boleh dikatakan akan menjadi penghisap candu juga” (Moore dan Moore 1969, 527). Trend sedemikian akan mempunyai kesan ke atas masyarakat dan tenaga kerja masa hadapan.

Gerakan Anticandu di Tanah Melayu dan Nasionalisme Cina

Semakin jelas bahawa dari pertengahan kurun ke-19, penghisapan candu memberikan ancaman besar kepada kesihatan awam dan diakui sebagai masalah sosial yang serius dalam kalangan komuniti Cina secara khususnya dan dalam kalangan masyarakat awam di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Tanah Melayu secara amnya. Namun, sebagai komoditi, orang Barat menganggap candu sebagai ‘keburukan yang perlu’, khususnya rakyat British, yang menjelang pertengahan kedua kurun ke-18 hampir memonopoli pembekalan dan perdagangan candu di Asia, iaitu di China. Pada tahun 1783, Warren Hastings (1732–1818), yang ketika itu menjadi Gabenor Jeneral di Bengal (1774–1785), secara terbuka mengisytiharkan candu sebagai “suatu bahan mewah yang merosakkan yang sepatutnya diharamkan, kecuali untuk tujuan perdagangan luar negara sahaja” (Purcell 1951, 50). Walau bagaimanapun, pakatan pelbagai pihak terdiri daripada pegawai perubatan, mubaligh Kristian, golongan yang tidak meminum arak, golongan taksu serta pelampau kulit putih telah menubuhkan gerakan anticandu di Britain khususnya dan di Barat secara amnya. Tujuan utama aktivis anticandu yang pelbagai ini adalah untuk memastikan masalah yang dikatakan sebagai ‘jenayah oriental’ ini tidak merebak ke kelas bawahan Kristian Eropah hingga menjadikan mereka tidak berdaya untuk bekerja sebagai buruh. Disebabkan gerakan anticandu yang berpengaruh ini, menjelang akhir kurun ke-19, candu berubah secara mendadak menjadi bahan terlarang, tidak mengira sama ada ia digunakan sebagai ubat untuk penyembuhan atau untuk keseronokan (Edwards dan Berridge 1987, 197–201).

Di Negeri-negeri Selat, Dr. Little menawarkan penyelesaian jangka pendek “dengan menaikkan harganya setinggi mungkin dan mengurangkan kemudahan untuk mendapatkan bahan ini” (Moore dan Moore 1969, 506). Penyelesaian jangka panjang adalah dengan

memastikan bahawa generasi muda yang ada sekarang tidak mengikut tabiat golongan yang lebih tua. Untuk mencapai objektif ini, beliau menggesa ibu bapa supaya memastikan anak-anak mereka menjauhkan diri dari tabiat buruk ini dan gesaan yang sama dibuat terhadap majikan berhubung pekerja mereka. Dalam pada beliau memohon bantuan daripada pihak berkuasa kolonial untuk membina masyarakat antipenghisap candu, beliau secara khusus merayu kepada ketua-ketua komunal Cina yang berpengaruh untuk mengambil inisiatif ini (Moore dan Moore 1969, 506).

Seperti Dr. Little, seorang lagi pejuang anticandu, iaitu Thomas Braddell, yang pernah berkhidmat sebagai Magistret Polis Pulau Pinang, berpandangan bahawa kegiatan menghisap candu merupakan satu ancaman kepada kesihatan awam dan menggesa kuat penyekatannya, ataupun setidak-tidaknya mencari jalan untuk menghalang penyebarannya (Braddell 1856, 72-77; 1856). Data statistik Braddell (Jadual 1) menyerlahkan keseriusan masalah candu ini. Pertengahan kedua kurun ke-19 menyaksikan perkembangan positif lobi anticandu ini. Sejak 1860-an, pakatan pakar perubatan, mubaligh dan Quakers telah membawa ke hadapan agenda aktivis Society for the Suppression of the Opium Trade (SSOT), yang ditubuhkan di London pada tahun 1874, terutamanya di Britain dan pada tahap yang lebih kecil di Asia. Pada akhir tahun 1860-an, kerajaan British menghadkan penggunaan candu di Britain (Edwards dan Berridge 1987, 113-209). Hal ini adalah suatu langkah yang memberangsangkan bagi menentang wabak candu walaupun lebih empat dekad kemudian baharulah perubahan sebenar terjadi di Asia berkaitan permasalahan candu ini.

Pada akhir 1880-an, wartawan Cina mula mendebatkan isu candu dengan persepakatan pendapat untuk menghapuskan amalan menghisap candu disebabkan kesannya yang memudaratkan (*Lat Pau* 1889-1890).⁵ Oleh kerana ramai wartawan Cina di Negeri-negeri Selat berasal dari negara China, terdapat liputan menyeluruh tentang perkembangan di tanah besar termasuk isu anticandu (Yen 1986, 49, 74-75, 76 n. 102). Amalan menghisap candu adalah antara punca yang dikatakan menjadi penyebab pelbagai kelemahan China. Candu disamakan dengan orang asing, iaitu orang Barat, yang mengikut pandangan nasionalis Cina bertanggungjawab dalam melemahkan kekuatan China dan mengeksploitasi dan meracuni penduduknya. Hakikat bahawa amalan menghisap candu menghasilkan penagih Cina yang kurus kering dan seakan zombie menyebabkan keseluruhan kaum Cina dianggap sebagai lemah, tidak berdaya dan muflis dari segi moral. Negara China pada

kurun ke-19 dikenali sebagai 'lelaki Timur yang sakit'. Kaum Cina yang berada di luar negara termasuk di Tanah Melayu merasa malu dengan situasi di tanah air mereka dan juga keadaan masyarakat tempatan yang menyaksikan ramai saudara sebangsa mereka mengamalkan tabiat memudaratkan dengan menghisap candu.

Akhbar-akhbar Cina di Negeri-negeri Selat mendahului usaha untuk mengisytiharkan 'perang' ke atas racun candu (*Thien Nan Shin Pao* 1901–1902).⁶ Begitu juga akhbar berbahasa Inggeris *Straits Chinese Magazine* membuat rayuan yang sama kepada komuniti Cina yang berpendidikan Inggeris yang lahir di Negeri-negeri Selat. Lim Boon Keang (Gin 2007a, 793–794; Song 1975; Yen 1986, 234, 236, 291, 295, 304; Yong 1992) bersama-sama Song Ong Siang (1871–1941) dan Wu Lien Teh (Wu 1995; Gin 2007b, 1318–1320)⁷ mengasaskan *Straits Chinese Magazine*, sebuah penerbitan yang diterbitkan 4 kali setahun dengan fokus kepada isu-isu sosiobudaya. Lim dan Wu yang merupakan individu terkemuka dalam gerakan anticandu menyifatkan pembasmian penghisapan candu sebagai sebahagian daripada gerakan umum pembaharuan sosial yang dipelopori oleh *Straits Chinese Magazine*.⁸

Sementara itu, di Britain, Suruhanjaya Diraja Mengenai Candu ditubuhkan pada 1895 apabila perdagangan candu, iaitu pembekalan dan perdagangan candu yang berasal dari India ke pasaran-pasaran di China dan Asia Tenggara, dikecam. Menurut Suruhanjaya tersebut “telah dibuktikan dengan pasti bahawa amalan menghisap [candu] ini membawa kemudaratan moral dan fizikal tahap tertinggi kepada orang yang mengamalkannya” (Moore dan Moore 1969, 509). Suruhanjaya Diraja tersebut merumuskan bahawa “tidak wajar sama sekali bagi sebuah jajahan besar [British India] Empayar British untuk menjalankan perdagangan yang membawa kesengsaraan dan malapetaka besar... [dan bahawa] perdagangan yang berlawanan dengan prinsip kemanusiaan tidak boleh disokong atas alasan bahawa jika kita [Britain] tidak melakukannya, [pembekalan dan perdagangan candu itu] akan jatuh ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab” (Moore dan Moore 1969, 509–510). Pada tahun-tahun awal kurun ke-20, penentangan awam terhadap penghisapan candu mula menampakkan suara yang lebih kuat dan lantang. Tiga orang pengamal perubatan Cina yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat dan mendapat pendidikan Barat melangkah ke hadapan untuk memimpin perjuangan anticandu yang mempunyai matlamat akhir untuk menghapuskan jenayah ini. Di Singapura, Yin Suat Chuan (Song 1975, 237, 364, 415, 422–423, 441, 461, 466, 468, 473)⁹ bergabung dengan Lim Boon Keng untuk menganjurkan Persatuan

Anti-Candu (Anti-Opium Association, AOS) pada pertengahan tahun 1906, sementara Wu Lien-teh mengasaskan Persatuan Anti-Candu Pulau Pinang dalam bulan November tahun itu (Cheng 1961, 57; Wu 1995, 237).

Pada peringkat ini, ada manfaatnya untuk dibuat perbandingan antara kedua-dua pihak yang bertentangan, iaitu doktor aktivis yang mengepalai kempen anticandu dan tauke pemajak candu yang disokong oleh sindiket kongsi-kongsi gelap (Clammer 1979; Yong 1992; Yen 1986).¹⁰ Walaupun kedua-dua doktor aktivis dan tauke pemajak candu merupakan sebahagian daripada golongan atasan masyarakat Cina Selat, mereka mempunyai latar belakang yang sangat berbeza antara satu sama lain. Doktor aktivis yang menerima pendidikan Barat berpandangan Barat sementara tauke pemajak candu hanya mempunyai pendidikan rasmi yang terhad atau mempunyai pendidikan dan orientasi berasaskan Cina. Dengan latar belakang mereka sebagai golongan bawahan yang naik dari peringkat buruh kasar yang rendah kepada tauke yang dihormati, telah mengeraskan hati pemajak candu ini kepada realiti dan pragmatik kelangsungan hidup dalam dunia kapitalis. Bagi tauke pemajak candu ini, keuntungan kewangan mengatasi segala pertimbangan. Sebaliknya, jalan intelek yang diambil oleh doktor aktivis ini cenderung menjadikan mereka bersifat idealistik, berfalsafah dan berperikemanusiaan, sifat-sifat yang tidak diragui menggerakkan mereka untuk membawa isu candu ini atas alasan perubahan/kesihatan, moral dan kemanusiaan.

Modus operandi AOS adalah melalui siri aktiviti (persidangan, ceramah umum, acara penajaan kewangan, dan lain-lain) yang bertujuan untuk mempromosikan kesedaran awam terutamanya dalam kalangan komuniti Cina mengenai kesan mudarat penghisapan candu. Dana yang dikutip daripada sumbangan orang awam dikembalikan kepada masyarakat dengan penubuhan dan pembiayaan pusat perlindungan candu yang memberi rawatan perubatan percuma kepada penagih yang ingin meninggalkan tabiat tersebut. Di Singapura, *Khai Eng Soh* atau Rumah Perlindungan Candu yang boleh menempatkan 30 orang penghuni terletak di Jalan Tank dalam halaman Kedutaan Imperial China. Yin adalah penggerak utama dan doktor tetap di hospital ini (Song 1975, 364). Di Pulau Pinang, Wu menyediakan kemudahan yang serupa dengan memberikan tempat tinggal, makanan, perubatan dan rawatan percuma kepada penagih candu yang tampil untuk pemulihan (Wu 1995, 237). Aktiviti di Pulau Pinang dan Singapura ini dilaksanakan juga di Negeri-negeri Tanah Melayu apabila Ipoh di Perak dan Kuala Lumpur di Selangor masing-masing menubuhkan sebuah AOS. Dengan

menggunakan media dan melalui syarahan umum dan persidangan, aktivis anticandu ini berusaha untuk membawa tekanan masyarakat ke atas penagih candu supaya bertaubat dan kepada mereka yang mahu mencuba candu untuk tidak melakukannya.

Dalam bulan Januari 1907, aktivis anticandu di Pulau Pinang melaksanakan strategi keras dari segi sekatan pekerjaan dan perniagaan kepada penghisap candu, iaitu pekerja yang menghisap candu akan dipecat sementara peniaga akan dipulaukan oleh rakan perniagaan (*Opium Commission of the Straits Settlements and Federated Malay States 1907–1908*). Pada awalnya, langkah keras ini kelihatan tidak begitu praktikal disebabkan penetapan had masa selama enam bulan kepada penagih candu untuk meninggalkan penagihan mereka. Walau bagaimanapun, strategi sekatan yang sama yang dilaksanakan di Singapura dari bulan Oktober tahun berkenaan memperoleh sedikit kejayaan. Beberapa pemilik kedai dan tuan punya perniagaan meletakkan tandatangan dan cop untuk menyatakan persetujuan bahawa mereka tidak akan menawarkan pekerjaan kepada orang yang dikenali sebagai penagih candu; mana-mana pekerja yang memang menagih diberi tarikh akhir untuk meninggalkan tabiat itu, dan jika gagal dia akan diberhentikan kerja. Walaupun keras dan tiada tolak ansur, langkah-langkah tersebut diulang sama oleh AOS di Tanah Melayu dan ia membawa perubahan yang baik.

Pada bulan Oktober 1906, dua orang pelawat terkemuka dari Britain melakukan lawatan syarahan ke Tanah Melayu untuk memberi syarahan di pusat-pusat perbandaran utama. Joseph G. Alexander, ketua setiausaha SSOT dan Robert Laidlaw, Ahli Parlimen Liberal untuk kawasan Renfrewshire Timur dan rakan kongsi kanan Tetuan Whiteaway dan Laidlaw, sebuah syarikat perniagaan runcit terkemuka di Negeri-negeri Selat, memberikan ucapan yang bersemangat di George Town (Pulau Pinang), Taiping dan Ipoh (Perak), Kuala Lumpur (Selangor) dan Singapura mengecam keburukan candu (Wu 1995, 239–241; Song 1975, 422). Persidangan anticandu dianjurkan dengan kehadiran dan penglibatan yang hebat dari kalangan semua golongan sosial dan latar belakang kaum termasuk golongan Eropah di Ipoh (8–9 Mac 1907), Pulau Pinang (6–8 Mac 1908) dan Kuala Lumpur (22–23 Mei 1909) (*Proceedings of the Straits Settlements and Federated Malay States Anti-Opium Conference 1909*). Selain itu, perjumpaan awam dianjurkan untuk mendengar personaliti terkemuka bercakap mengenai keburukan menghisap candu.



PEMIKIRAN POLITIK,
KOLONIALISME & NASIONALISME

DI MALAYSIA

ESEI-ESEI PENGHARGAAN KEPADA ABDUL RAHMAN HAJI ISMAIL

Buku *Pemikiran Politik, Kolonialisme dan Nasionalisme di Malaysia: Esei-Esei Penghargaan kepada Abdul Rahman Haji Ismail* menghimpunkan beberapa esei yang menyentuh tentang sejarah kolonialisme, nasionalisme, perjuangan politik, kemerdekaan, dan pilihanraya di Malaysia dalam satu cakupan yang luas. Buku ini berfokus kepada penjelasan tentang peranan utama yang dimainkan oleh pelbagai kelompok politik dan nasionalis, dari penggerak perjuangan anticandu hinggalah ke peranan wanita dalam kegiatan politik dan pilihan raya. Penyumbang-penyumbang bab dalam buku ini merupakan ahli sejarah, penyelidik, pakar, dan pengkaji yang terkenal dalam bidang masing-masing. Setiap penyumbang berusaha sedaya upaya dalam meneroka serta menyampaikan suatu perspektif baharu tentang beberapa sudut sejarah politik dan nasionalisme di Malaysia, yang mungkin telah dibicarakan tetapi memerlukan pentafsiran semula, atau isu-isu yang tidak pernah ditimbulkan atau dibincangkan sebelum ini. Pandangan mereka disokong oleh hujah-hujah dan penemuan bukti-bukti terbaharu yang memungkinkan sejarah politik Malaysia dapat diberi suatu tafsiran semula yang lebih kukuh dan menyeluruh. Buku ini amat sesuai digunakan sebagai bahan bacaan dan rujukan para pelajar, pendidik, pengkaji sejarah, ahli politik, dan sesiapa sahaja yang berminat mendalami sejarah perjuangan politik dan nasionalisme di Malaysia hingga ke hari ini.

ISBN 978-967-461-987-9



9 789674 619879

RM44.00/USD10.00/GBP8.00



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PENERBIT
USM

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA